

PEMULIAAN AL-QURAN DAN BAHAN CETAKAN AGAMA BERTEKNOLOGI HIJAU MELALUI PROSES *DEINKING*

Al-Quran merupakan anugerah yang paling berharga yang diturunkan Allah *Subhanahu wata'ala* kepada Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan umatnya. Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wata'ala* melalui Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang mengandungi pedoman untuk dijadikan petunjuk, yang wajib kita menghormati dan menjaganya dengan baik. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

Maksud: “*Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.*”

(Surah al-Isra': 9)

Islam membenarkan pemuliaan teks dan bahan al-Quran yang mengandungi ayat-ayat al-Quran yang telah rosak atau tidak boleh dibaca ini lagi. Ia bertujuan menjaga supaya kemuliaannya sentiasa terpelihara. Ini amat bertepatan dengan firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memeliharanya.*”

(Surah al-Hijr: 9)

Begitu juga dalam hadis mengisytarkan tentang kemuliaan al-Quran yang menuntut agar haknya sentiasa terpelihara. Daripada Abi Ruqayyah bin Aus al-Dariy *Radhiallahu 'anhu*, bahawa Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

الَّذِينَ النَّصِيحَةُ، قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ، وَلِكِتَابِهِ، وَلِرَسُولِهِ، وَلِأَيِّمَةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Maksudnya: “*Agama itu merupakan nasihat.*” Kami bertanya: “*Untuk siapa?*” Sabda baginda: “*(Mereka yang ikhlas) kepada Allah, (mereka yang tunduk dan patuh) kepada Kitab-Nya, Rasul-Nya, kepada para pemimpin orang Islam dan masyarakat keseluruhannya.*”

(Hadis riwayat Muslim, 55, Abu Daud, 4946 dan an-Nasaie, 4197)

Maksud nasihat kepada kitab-Nya ialah dengan membaca, memahami, tadabbur seterusnya mengamalkannya sama ada dalam bentuk suruhan ataupun larangan.

Kaedah pemuliaan bahan yang mengandungi teks al-Quran adalah termasuk dalam hukum wajib menghormati mushaf al-Quran. Justeru, al-Quran dan bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran wajib dilupuskan mengikut cara yang digariskan oleh syarak. Pemuliaan bahan al-Quran yang bercanggah dengan hukum syarak merupakan amalan menghina al-Quran dan pelakunya

bukan sekadar berdosa besar, malah jika dilakukan dengan penuh kesedaran boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam (al-Qurtubi, 1993; Arieff et al., 2012).

Pelbagai usaha untuk memelihara bahan al-Quran telah dimulakan sebelum tahun 1987 lagi. Antaranya memperluaskan dan memperbanyakkan aktiviti pemuliaan al-Quran serta membukukan ilmu cara pembacaan al-Quran (Abdul Rahman, 2009).

Melalui usaha tersebut, umat Islam di negara ini peka dalam menjaga kesucian kitab al-Quran. Kesedaran ini ditanam semenjak kecil sewaktu di zaman sekolah rendah lagi iaitu anak-anak diberi didikan serta tunjuk ajar tentang adab terhadap al-Quran seperti adab yang perlu ada sewaktu membaca al-Quran, larangan memijak dan melangkah mushaf, larangan meletak mushaf di merata-rata tempat, sepertimana telah digariskan oleh al-Nawawi dalam kitabnya '*al-Tibyan fi adab hamlah 'ala al-Quran*' (Nawawi, 1993; Abdul Rahman, 2010; Fatin Mahfuzah, 2014).

Lembaga Teks Al-Quran telah ditubuhkan menerusi Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 bertujuan untuk memelihara kesucian al-Quran daripada diperalatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, juga untuk menyeragamkan ras al-Quran. Telah dipersetujui hanya "*rasm Uthmani riwayat Hafs*" dijadikan sebagai rasm yang akan digunakan oleh masyarakat Islam di Negara ini. Sehubungan itu al-Quran selain daripada "*rasm Uthmani riwayat Hafs*" seperti rasm *Imla'ie*, al-Quran yang lusuh, koyak dan sebagainya yang tidak boleh digunakan lagi hendaklah dilupuskan.

Begitu juga dalam Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986, Seksyen 11 (1); Bahan buangan daripada pencetakan teks Al-Quran atau bahan Al-Quran telah memperuntukkan bahawa; "*Seseorang yang mencetak sesuatu teks Al-Qur'an atau bahan Al-Qur'an hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan bahawa apa-apa bahan buangan yang di atasnya tercetak atau terdapat sesuatu Ayat Al- Qur'an dimusnahkan dengan serta-merta dengan membakarnya di suatu tempat bertutup yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam dan tidak meninggalkan premis pencetakan itu dengan apa-apa cara pun, kecuali semasa ia dipindahkan ke suatu tempat untuk dimusnahkan sebagaimana yang tersebut dahulu*". (Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Pindaan), 2008).

JABATAN MUFTI SARAWAK